

PM minta IRDA teroka pertanian moden

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

ISKANDAR PUTERI: Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) meneroka peluang-peluang baharu yang terbuka luas dalam pertanian moden agar menjadi penyumbang utama dalam agenda keselamatan makanan negara.

Perdana Menteri berkata, langkah tersebut juga secara tidak langsung mampu menjadikan Johor khususnya sebagai sebuah negeri pengeluar makanan utama dan terbesar di negara ini.

“Dengan wujudnya kawasan yang luas dan minat lebih banyak pelabur untuk melebarkan aktiviti mereka di koridor ekonomi ini serta usaha-usaha pelbagai agensi dan kementerian berkaitan yang dapat diselesaikan dengan baik.

“Pelaksanaan program pertanian moden berupaya meletakkan Johor sebagai pengeluar makanan utama dan terbesar di negara ini selaras dengan potensi besar yang dimiliki koridor ekonomi ini,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan IRDA di sini semalam.

Terdahulu, Muhyiddin yang juga Pengerusi Bersama IRDA menyertai Mesyuarat Ahli Pihak



MUHYIDDIN Yassin ketika menyertai Mesyuarat Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar yang diadakan secara dalam talian bersama Hasni Mohamad dan Ismail Ibrahim di Iskandar Puteri, Johor.

Berkuasa IRDA yang diadakan secara dalam talian bersama Menteri Besar, Datuk Hasni Mohamad dan Ketua Eksekutif IRDA, Datuk Ismail Ibrahim.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan Perikatan Nasional (PN) telah melaksanakan banyak inisiatif bagi menangani pelbagai isu membabitkan keperluan asas rakyat dan sektor perniagaan kecil untuk meneruskan kelangsungan ketika berdepan keadaan sukar ketika ini.

“Saya rasa gembira apabila Iskandar Malaysia telah mengambil usaha-usaha ke hadapan dengan memperkukuh tumpuannya terhadap inisiatif berimpak tinggi yang bukan sahaja menyokong kelangsungan hidup, malah secara berterusan melonjakkan ekonomi bagi melindungi kehidupan rakyat secara keseluruhan,” katanya.

Pihak berkuasa itu sebelum ini menggariskan gelembung perjalanan, infrastruktur fizikal

dan perkhidmatan serta inisiatif melatih semula bakat sebagai sebahagian daripada program utama bagi membantu pemulihan ekonomi negara yang terkesan daripada penularan wabak pandemik Covid-19.

Dalam pada itu, Hasni yang juga Pengerusi Bersama IRDA berkata, kerajaan negeri juga mahu melihat ekonomi dan seluruh rakyat di negeri ini dapat dibangunkan semula dengan segera daripada kesan penularan wabak pandemik Covid-19.